



KEMENTERIAN KEWANGAN  
MALAYSIA

B E L A N J A W A N

2020

MEMACU PERTUMBUHAN DAN KEBERHASILAN  
SAKSAMA KE ARAH KEMAKMURAN BERSAMA

RINGKASAN BERKENAAN GOLONGAN B40

- ❑ **Belanjawan 2020 berasaskan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.** WKB30 memandu Malaysia Baharu ke arah mencapai status negara maju, dan pada masa yang sama hasil pertumbuhan ekonomi dapat dikongsi dengan semua rakyat Malaysia tanpa mengira kelas, etnik, dan lokasi geografi untuk mencipta sebuah masyarakat yang harmoni, progresif, dan makmur.
- ❑ **Bagi memenuhi WKB30, langkah-langkah teras Belanjawan 2020 sejajar dengan 7 strategi Kemakmuran Bersama** untuk memastikan tiada sesiapa ketinggalan apabila Malaysia maju ke hadapan.
- ❑ Belanjawan 2020 menyediakan langkah-langkah untuk memastikan golongan B40 dapat merasakan hasil pertumbuhan Malaysia. Antara langkah untuk B40 termasuk:
  - ✓ Penciptaan peluang pekerjaan melalui insentif untuk SME
  - ✓ Program pelatihan semula dan latihan untuk meningkatkan kemahiran
  - ✓ Rangsangan digital
  - ✓ Subsidi petrol bersasaran menerusi pemindahan wang secara langsung melalui BSH

Jumlah keseluruhan Belanjawan 2020: **RM297 bilion**

- Perbelanjaan Mengurus: **RM241 bilion**
- Perbelanjaan Membangun: **RM56 bilion**

## Langkah-langkah untuk B40

### 1) Ekonomi digital:

- ✓ **Rangsangan digital:** RM450 juta untuk rangsangan digital RM30 one-off untuk 15 juta rakyat Malaysia berusia 18 tahun ke atas dengan pendapatan kurang daripada RM100,000 setahun yang layak.
- ✓ **Melatih usahawan mikro digital:** RM10 juta untuk melatih usahawan mikro digital untuk menjual barangan mereka di platform atas talian
- ✓ **Mendigitalkan operasi perniagaan PKS:** Geran padanan 50% sehingga RM5000 setiap syarikat untuk langganan perkhidmatan seperti e-POS, ERP dan sistem pembayaran gaji elektronik. Jumlah keseluruhan: RM500 juta dalam tempoh lima tahun, terhad 100,000 PKS pertama.
- ✓ **Pusat Peningkatan Digital Sehenti:** 14 Pusat Peningkatan Digital Sehenti di setiap negeri untuk membiayai akses kepada pembiayaan dan pembinaan kemahiran PKS. Peruntukan RM70 juta



2) **Subsidi minyak bersasaran:** Peruntukan RM2.2 bilion, memanfaatkan lebih 8 juta pemandu. Subsidi pukal had paras harga RM2.08 seliter untuk RON95, dan RM2.18 seliter untuk diesel kekal di Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung, subsidi minyak sebanyak RM0.30/liter untuk 100 liter/bulan untuk kereta, atau 40 liter/bulan untuk motosikal

- ✓ **Untuk penerima BSH:** Penerima BSH yang layak dan memiliki tidak lebih daripada 2 kereta dan 2 motosikal yang layak akan terima subsidi dalam bentuk pemindahan wang terus ke dalam akaun bank penerima setiap 4 bulan. Bayaran pertama ialah April 2020.
  - Jenis kereta yang layak mestilah berkapasiti 1,600cc ke bawah, atau berusia lebih 10 tahun sekiranya lebih daripada 1,600 cc.
  - Jenis motosikal yang layak pula mesti 150cc ke bawah, atau berusia lebih 7 tahun jika atas 150cc. Semua kenderaan mewah tidak layak.

### 3) **Pertanian:**

- ✓ **FELDA:** RM810 million for the welfare of FELDA community.
- ✓ **Nelayan:** elaun naik daripada RM200 kepada RM250 sebulan, peruntukan RM152 juta untuk 2020.
- ✓ **Padi:**
  - RM855 juta untuk Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) dan Skim Insentif Pengeluaran Padi (SIPP).
  - Subsidi Padi Bukit diteruskan.
- ✓ **Modenisasi:** RM43 juta untuk industri Pertanian 4.0
- ✓ **Pemelbagaian pendapatan:** RM150 juta untuk program integrasi tanaman
  - **Bantuan pekebun kecil getah:** RM200 juta untuk Bantuan Musim Tengkujuh
  - **Insentif Pengeluaran Getah:** RM100 juta untuk Insentif Pengeluaran Getah pada 2020.

### 3) Pertanian (*sambungan*):

- ✓ **RISDA dan FELCRA:** RM738 juta untuk pelbagai program menjana pendapatan memanfaatkan lebih 300,000 pekebun kecil RISDA dan 100,000 pekebun kecil FELCRA.
  
- ✓ **Minyak sawit:**
  - **Penanaman semula:** Dana penanaman semula RM550 juta tanpa cagaran pada kadar faedah 2% setahun, untuk tempoh 12 tahun, dan moratorium pembayaran balik selama 4 tahun.

### 4) Infrastruktur luar bandar:

- ✓ **Air:** hampir RM587 juta untuk projek bekalan air luar bandar (Sabah & Sarawak: RM470 juta)
  
- ✓ **Elektrifikasi:** RM500 juta untuk projek elektrifikasi luar bandar memanfaatkan 30,000 isi rumah luar bandar, terutama di Sabah & Sarawak.
  
- ✓ **Kampung Baru:** RM85 juta untuk pembangunan dan baikpulih infrastruktur asas di kampung-kampung baru.
  
- ✓ **Jalan raya:** RM4.85 bilion untuk penyelenggaraan jalan raya
  
- ✓ **Bas:** RM146 juta untuk subsidi operator bas untuk menyokong kesalinghubungan sambungan terakhir di kawasan bandar dan luar bandar.

5) **#MalaysiaKerja:** Insentif gaji untuk pekerja dan insentif pengambilan pekerja untuk majikan, dengan kos RM6.5 bilion dalam tempoh lima tahun, mencipta **350,000 pekerjaan tambahan** untuk rakyat Malaysia

✓ **#GraduanKerja:**

- Graduan yang tidak bekerja sekurang-kurangnya 12 bulan
- Insentif gaji bulanan sehingga RM500 selama 2 tahun.
- Majikan menerima insentif pengambilan pekerja sehingga RM300 sebulan

✓ **#WanitaKerja:**

- Wanita berusia 30-50 tahun yang kembali bekerja setelah berhenti bekerja selama > setahun
- Insentif gaji RM500/sebulan.
- Majikan menerima insentif pengambilan pekerja sehingga RM300/bulan
- Pengecualian cukai semasa untuk wanita kembali bekerja

✓ **#WatanKerja:**

- Insentif gaji untuk rakyat Malaysia yang diambil kerja menggantikan pekerja asing
- Insentif upah RM350 atau RM500/bulan bergantung sektor untuk tempoh 2 tahun
- Insentif pengambilan pekerja untuk majikan sehingga RM250 sebulan selama 2 tahun

✓ **#PerantisKerja:**

- Program insentif TVET: Tambahan elaun RM100/bulan untuk pelatih latihan perantisan
- Insentif cukai untuk Skim Latihan Dual Nasional (SLDN) untuk tambahan 2 tahun.
- Insentif cukai Program Pelatihan Berstruktur (SIP)

## 6) Sekolah-sekolah:

- ✓ **Sekolah daif:** RM783 juta untuk membaikpulih sekolah-sekolah daif pada 2020, terutamanya untuk sekolah-sekolah di Sabah dan Sarawak. Selain itu, RM450 juta untuk pembinaan 9 sekolah baharu di kawasan seperti Kulai, Hulu Langat, Langkawi dan Marang.
  
- ✓ **MARA:** RM1.4 bilion untuk institusi pendidikan bawah MARA, dan RM2 bilion tambahan untuk pinjaman pendidikan. Selain itu, RM192 juta untuk program pensijilan profesional bawah Yayasan Peneraju.

## 7) Keluarga:

- ✓ **Kemudahan penjagaan kanak-kanak:**
  - **RM30 juta tambahan untuk membina lebih banyak TASKA**, terutamanya untuk hospital dan sekolah.
  - **Pelepasan cukai individu untuk yuran telah dibayar ditingkatkan daripada RM1,000 kepada RM2,000**
  
- ✓ **Rawatan kesuburan:**
  - **Kategori baharu pengeluaran EPF untuk membenarkan prosedur kesuburan in-vitro (IVF) sehingga RM10,000 setiap seorang.**
  - **Pelepasan cukai pendapatan sebanyak RM6,000 untuk rawatan perubatan untuk penyakit serius** diperluaskan untuk merangkumi rawatan kesuburan.

## 8) **Kebajikan sosial dan pembangunan komuniti:**

### ✓ **i-Suri:** Peruntukan RM20 milion

- Diperluaskan menerusi Perkeso sekiranya berlaku kecederaan atau kejadian yang menyebabkan kecacatan.
- Suami boleh menyumbang 2% daripada sumbangan EPF 11% kepada akaun EPF isteri. Skim ini bersifat sukarela dan terbuka kepada semua pasangan berkahwin.

### ✓ **Bantuan Warga Emas:** RM575 juta bantuan sosio-ekonomi untuk warga emas memanfaatkan 137,000 warga emas berpendapatan bawah paras kemiskinan. RM4.6 juta untuk 88 Pusat Aktiviti Warga Emas di seluruh negara, memanfaatkan 37,000 warga Malaysia.

### ✓ **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM):** RM80 juta untuk menaiktaraf, memperbaiki dan menyelenggara 67 institusi JKM

### ✓ **Isu Gelandangan:** RM4.5 juta untuk Anjung Singgah, memanfaatkan 7,000 warga Malaysia yang tidak memiliki tempat tinggal.

### ✓ **Orang Kurang Upaya (OKU):** RM20 juta untuk 5 Pusat Pendidikan Independen, latihan Down Syndrome, dan TASKA OKU. Tambahan lagi, semua perkhidmatan latihan kepada orang kurang upaya dikecualikan daripada cukai perkhidmatan.



- ✓ **Bank Makanan:** RM25 juta untuk memperluaskan Bank Makanan
- ✓ **Malaysian Indian Transformation Unit (MITRA):** Geran RM100 juta untuk menambahbaik keadaan sosioekonomi komuniti India.
- ✓ **Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA):**
  - RM45 juta untuk penjagaan kesihatan dan kebajikan
  - RM38 juta untuk pembangunan keseluruhan komuniti
- ✓ **Integrasi Semula Bekas banduan:** RM20 juta untuk memperluas latihan kemahiran dan program untuk banduan.
- ✓ **Rehabilitasi penagih dadah:** RM15 juta untuk program perintis rehabilitasi penagihan dadah AADK

## 9) Perumahan:

### ✓ Sewa-untuk-memiliki (RTO):

- Skim RTO untuk pembelian rumah pertama sehingga RM500,000 dari harga hartanah.
- Dana tersebut akan memperoleh rumah sehingga nilai RM500,000 yang dikenal pasti oleh penyewa dan menyewa rumah tersebut kepadanya sehingga tempoh 5 tahun.
- Selepas setahun, penyewa mempunyai pilihan untuk membeli rumah tersebut pada harga yang ditetapkan semasa perjanjian sewa ditandatangani.
- Jaminan 30% atau RM 3 bilion daripada Kerajaan untuk skim pembiayaan RTO RM10 bilion dalam usahasama dengan institusi kewangan.
- Kerajaan akan memberikan pengecualian duti setem ke atas instrumen pemindahan antara pemaju dan institusi kewangan, dan di antara institusi kewangan dan pembeli di bawah skim ini.

### ✓ Penyelenggaraan Perumahan Awam/PPR: RM100 juta untuk membaik pulih PPR, dengan tumpuan khusus memastikan lif, pedawaian elektrik, paip sanitasi dan bumbung selamat dan dalam keadaan baik.

## 10) Akses kepada pembiayaan:

- ✓ **Skim Jaminan Pinjaman Perniagaan (SJPP):** Untuk PKS Bumiputera, berpaksikan-eksport, dan melabur dalam automasi dan pendigitalan:
  - Jaminan Kerajaan ditingkatkan daripada 70% kepada 80%
  - Fi Jaminan dikurangkan kepada 0.75%
  
- ✓ **SME Bank:** Subsidi kadar faedah tahunan sebanyak 2%
  - Dana RM200 juta usahawan wanita, menawarkan pinjaman sehingga RM1 juta per PKS
  - Dana RM200 juta menyokong PKS pengeluar produk Halal dan isi kandungan tempatan tinggi
  
- ✓ **My Co-Investment Fund (MyCIF):** Tambahan RM50 juta kepada MyCIF untuk penggunaan platform-platform berkaitan untuk pembiayaan PKS yang layak.
  
- ✓ **Small Business Loans (Program Pembiayaan Usahawan Kecil):** RM100 juta untuk komuniti Cina melalui BSN dengan kadar faedah rendah 4%.
  
- ✓ **Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI):** RM20 juta untuk SPUMI oleh TEKUN Nasional untuk usahawan SPUMI pada kadar faedah rendah 4%, memanfaatkan 1,300 usahawan.

## 11) **Infrastruktur perkhidmatan penjagaan kesihatan:**

- ✓ **Hospital baharu:** RM1.1 bilion untuk pembinaan hospital baharu, dan juga penaiktarafan dan pengembangan yang sedia ada.
- ✓ **Pembinaan dan penaiktarafan klinik:** RM319 juta untuk pembinaan dan penaiktarafan klinik kesihatan dan pergigian, serta kemudahan kuarters
- ✓ **3M (Memperbaiki - Mengganti - Memulihkan):** RM100 juta untuk renovasi infrastruktur dan kemudahan perubatan, dan RM277.47 juta untuk menaiktaraf alatan perubatan.
- ✓ **Ambulans:** RM58 juta untuk kolaborasi dengan perkhidmatan ambulans NGO untuk membeli lebih banyak kenderaan ambulans
- ✓ **Klinik bergerak:** RM5 juta untuk klinik bergerak di kawasan luar bandar, terutamanya buat komuniti Orang Asli

## 12) Liputan Penjagaan Perubatan:

- ✓ **Vaksinasi Pneumokokal:** RM60 juta untuk memulakan vaksinasi pneumokokal bagi kanak-kanak.
- ✓ **MySalam:**
  - RM8000 bayaran secara sekali apabila didiagnos dengan penyakit kritikal pada tahun ini. Pendapatan gantian RM50 sehari sehingga 14 hari apabila menerima rawatan di hospital Kerajaan. Semua penerima isi rumah BSH antara usia 18-55 layak secara automatik. Bermula 1 Jan 2020, liputan diperluaskan seperti berikut:
    - Merangkumi 45 penyakit kritikal daripada 36 sedia ada, termasuk polio dan penyakit terminal;
    - Liputan sehingga berumur 65 tahun, memanfaatkan tambahan 1.5 juta individu;
    - Untuk mereka berpendapatan tahunan kasar sehingga RM100,000, akan menerima bayaran penyakit kritikal RM4,000 secara sekali dan pendapatan gantian RM50 sehingga 14 hari apabila didiagnos dan menerima rawatan di hospital kerajaan.
- ✓ **PeKA B40:** Kerajaan meluaskan liputan kepada mereka yang berumur 40 ke atas, daripada 50 ke 60 tahun sebelum ini.